

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan sahaja.

1. (a) Berikan **tiga** kelebihan dan **tiga** kekurangan sumber manusia dalam. [6 markah]
- (b) Gambar berikut berkaitan dengan dua jenis organisasi perniagaan.



PETRONAS

Organisasi A



Organisasi B

Nyatakan perbezaan di antara Organisasi A dengan Organisasi B dari aspek tujuan penubuhan dan sumber kewangan. [4 markah]

2. (a) Jelaskan jenis- jenis trend persekitaran perniagaan berikut:
- i) Trend Meningkat [2 markah]
 - ii) Trend Menurun [2 markah]
 - iii) Trend Mendatar [2 markah]
- (b) Gambar berikut berkaitan dengan kesan perubahan persekitaran terhadap sesebuah organisasi perniagaan



Terangkan kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan berdasarkan trend tersebut. [4 markah]

- 3 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan skala perniagaan Syarikat U8 Sendirian Berhad.

Selain memasarkan produknya di dalam negara, Syarikat U8 Sendirian Berhad, pengeluar pelbagai komponen kereta motor turut mengeksport produknya ke Eropah.

Terangkan **tiga** kelebihan skala perniagaan yang berkenaan kepada Syarikat U8 Sendirian Berhad. [6 markah]

- (b) Gambar berikut menunjukkan sebuah syarikat pengeluar kereta tempatan.



Jelaskan peranan pengurusan sumber manusia syarikat tersebut di dalam menjadikan syarikat tersebut sebuah perniagaan yang mampan. [4 markah]

- 4 (a) Terangkan **tiga** peranan bahagian fungsian pengurusan sumber manusia. [6 markah]

- (b) Pernyataan berikut berkaitan dengan Puan Alissa

Puan Alissa seorang suri rumah tangga ingin memulakan perniagaan menjual nasi ayam penyet di sebuah pasar tani. Anggaran kos permulaan ialah RM5 000

Cadangkan sumber pembiayaan yang sesuai untuk Puan Alissa bagi memulakan perniagaan. Berikan alasan anda. [4 markah]

- 5 (a) Terangkan cara mengatasi masalah pengangguran yang wujud di dalam sesebuah negara? [6 markah]
- (b) Gambar berikut menunjukkan interaksi antara sebuah organisasi peniagaan dengan pihak pembekal



Nyatakan kepentingan interaksi bahagian fungsian pembelian dengan pihak pembekal tersebut? [4 markah]

6. (a) Terangkan **tiga** kekuatan diri yang perlu ada pada seseorang yang ingin menjadi usahawan. [6 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Mawar Merah Sdn.Bhd.

- * Perniagaan Mawar Merah Sdn.Bhd menjalankan aktiviti pengeluaran alat tulis dan dipasarkan ke seluruh Malaysia.
- * Bilangan pekerja seramai 100 orang
- * Jumlah jualan ialah RM36 juta

Klasifikasikan Perniagaan Mawar Merah Sdn. Bhd. berdasarkan sektor perniagaan. [4 markah]

BAHAGIAN B
(30 markah)
Jawab **dua** soalan sahaja

- 7 (a)(i) Maklumat berikut merupakan satu petikan penyata pendapatan yang disediakan oleh sebuah syarikat yang menjual peralatan komputer.

SYARIKAT TEKNOLOGI MAJU SDN BHD
Penyata Pendapatan (Akaun Perdagangan dan Untung Rugi) bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

| | RM | RM |
|------------------------|--------|--------|
| Jualan | | 82 000 |
| Tolak : Kos jualan | | |
| Stok Awal | 27 000 | |
| Tambah: Belian | 57 000 | |
| | 84 000 | |
| Tolak: Stok Akhir | 18 000 | |
| | | 66 000 |
| X Untung Kasar | | XXXXX |
| Tambah: Hasil Operasi | | 12 000 |
| | | 28 000 |
| Tolak: Belanja Operasi | | 6 400 |
| Y Untung Bersih | | XXXXX |

Berdasarkan penyata pendapatan tersebut, terangkan X dan Y? [4 markah]

- (a)(ii) Berikut merupakan data nisbah untung Syarikat Teknologi Maju Sdn Bhd bagi tahun 2017.

| | |
|----------------------|-----|
| Margin untung kasar | 43% |
| Margin untung bersih | 30% |

Jika anda pengurus Syarikat Teknologi Maju Sdn Bhd, adakah tahun 2017 lebih cekap pengurusannya dan kedudukan syarikat yang lebih baik berbanding tahun 2016? Jelaskan . [6 markah]

- (b) Gambar berikut menunjukkan barangan elektrik yang dikeluarkan oleh sebuah syarikat di Malaysia.



Jelaskan saluran agihan yang sesuai digunakan oleh syarikat tersebut? [5 markah]

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Puteri Sdn. Bhd. yang mengeluarkan pelbagai sos masakan di Segamat, Johor.

| Bilangan Pekerja | Jumlah Jualan Tahunan | Pasaran | Visi Perniagaan |
|--|---|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • 80 orang | <ul style="list-style-type: none"> • RM20 juta | <ul style="list-style-type: none"> • Johor • Melaka • Pahang | <ul style="list-style-type: none"> • "Menjadi pembekal sos halal terkemuka di Malaysia" |

- (a) Nyatakan dan jelaskan klasifikasi perniagaan Syarikat Puteri Sdn. Bhd. [6 markah]
- (b) Bagaimanakah MATRADE dapat membantu Syarikat Puteri Sdn. Bhd. menembusi pasaran global? [4 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah faktor yang akan mempengaruhi pengurusan Syarikat Puteri Sdn. Bhd. membuat perubahan visi perniagaan? [5 markah]

- 9 Situasi berikut adalah perbualan antara Ali dan Abu berkaitan faktor memulakan perniagaan.

Saya bercadang nak mula berniaga secara kecil-kecilan di hadapan rumah saya sahaja, tapi saya serba salah

Setahu saya, pihak PBT ada menyediakan ruang niaga di bandar



ALI

ABU

- (a)(i) Jelaskan kelebihan lokasi yang dinyatakan oleh Abu. [6 markah]
- (a)(ii) Untuk memulakan perniagaan milikan tunggalnya, Ali perlu tahu prosedur pendaftaran perniagaan yang telah ditetapkan oleh pihak SSM dan PBT. Jelaskan prosedur dan kesannya jika Ali tidak mengikutinya. [4 markah]
- (b) Gambar berikut menunjukkan satu aktiviti perniagaan yang dijalankan di negara kita yang melibatkan pengurusan sumber fizikal dan teknologi.



Terangkan kesan sumber manakah yang lebih utama diambil berat dalam perniagaan ini serta implikasinya terhadap perniagaan tersebut. [5 markah]

Bahagian C
[20 markah]
Soalan ini **wajib** dijawab.

NASI KERABU AZMIRA – ANTARA CABARAN DAN HARAPAN

Perniagaan menjual makanan menjadi satu fenomena yang sedang berkembang dengan pesat mutakhir ini. Negeri Kelantan turut dilanda dengan fenomena ini, antara perniagaan makanan yang sedang mencipta nama di negeri ini ialah “Perniagaan Nasi Kerabu Azmira”.

Perniagaan ini telah beroperasi lebih 20 tahun dahulu dan jenama ini telah bertapak dengan kukuh di negeri ini. Pn Azmira bt Abd Kadir, pemegang Ijazah Pengurusan Perniagaan merupakan pengasas dan pemilik bagi perniagaan Nasi Kerabu Azmira. Beliau sangat mementingkan kualiti dan kebersihan hidangan yang disediakan, dengan memastikan hanya menggunakan bahan-bahan yang segar terus dari ladang di samping memastikan kebersihan premis restoran yang sentiasa di pantau rapi. Beliau telah melantik anaknya Mohd Alim bin Safuan sebagai pengurus Perkhidmatan Pelanggan yang sentiasa peka terhadap sebarang pandangan dan komen dari pelanggan.

Pn Azmira telah membuka lima cawangan Nasi Kerabu Azmira di seluruh negeri Kelantan dan bercadang membuka cawangan di seluruh Malaysia, tetapi sentiasa memikirkan apakah bentuk yang sesuai bagi mengekalkan citarasa dan menu yang telah dihasilkan tetap sama dan tidak berlaku sebarang masalah yang boleh menjejaskan jenama Nasi Kerabu Azmira, dalam usaha ini beliau telah membuat pendaftaran cap dagangan dan memiliki hak eksklusif dengan perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) tiga tahun lalu. Dalam usaha memperkembangkan perniagaannya Pn Azmira telah melantik tiga orang pengurus yang akan bertanggung jawab membantu beliau, iaitu pengurus pemasaran, pengurus sumber manusia dan pengurus kewangan.

Pn Azmira juga bercadang untuk memperbesarkan lagi perniagaannya tetapi menghadapi masalah dalam pusingan modal yang sering tidak mencukupi terutama untuk membayar secara tunai kepada pembekal-pembekal bahan mentah. Pegawai kewangan telah mencadangkan Pn Azmira membuat pinjaman dengan intitusi kewangan dan beliau telah bersetuju untuk menyediakan satu Rancangan Perniagaan untuk tujuan tersebut.

Dalam satu mesyuarat bersama pekerja-pekerjanya, pegawai Perkhidmatan Pelanggan, En Mohd Alim telah mengingatkan Pn Azmira kepentingan perniagaan Nasi Kerabu Azmira menjaga hubungan dengan pihak luar di persekitaran perniagaannya, ini bagi memastikan jenama Nasi Kerabu Azma terus utuh di dalam pasaran.

- 10 Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut.
- (a) Nyatakan peranan MyIPO. [4 markah]
 - (b) Jelaskan tindakan yang perlu dilakukan oleh perniagaan Nasi Kerabu Azmira selepas mendapat sijil pendaftaran perniagaan [4 markah]
 - (c)(i) Apakah kelebihan yang akan dinikmati oleh Pn Azmira sebagai pemilik perniagaan sekiranya beliau bercadang mengembangkan perniagaan beliau dengan menggunakan bentuk milikan francais. [5 markah]
 - (c)(ii) Jelaskan satu bahagian fungsian yang terdapat dalam perniagaan Nasi Kerabu Azmira. [3 markah]
 - (c)(iii) Terangkan kesan yang akan dialami oleh perniagaan Nasi Kerabu Azmira jika Pn Azmira tidak mementingkan kualiti dan kebersihan hidangan yang disediakan kepada pelanggan. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT